

MAJLIS PENUTUP DAN PEMAKAIAN SAYAP KURSUS PAYUNG TERJUN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3222-majlis-penutup-dan-pemakaian-sayap-kursus-payung-terjun

GONG KEDAK, 22 Mac 18 – Majlis Penutup dan Pemakaian Sayap Penerjunan kepada penuntut Pelepas Terjun Bebas Tempur TUDM siri 13/18 dan Kursus Terjun Bebas TUDM siri 37/18 telah disempurnakan oleh Komander Pangkalan PU Gong Kedak, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM yang bertempat di Hangar SAR Pangkalan. Turut hadir sama pada majlis tersebut Pegawai Memerintah Rejimen TUDM, Brig Jen Dato' Hj Mohd Nazri bin Dashah TUDM.

Dalam ucapan penutup kursus tersebut, Komander Pangkalan mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua peserta bagi kedua-dua kursus kerana telah berjaya menjalani dan menamatkan kursus dengan jayanya. Selain itu juga, beliau mengingatkan kepada semua penuntut agar menimba segala pengalaman sebaik yang mungkin bagi meningkatkan kecekapan, kemahiran dan keupayaan serta memantapkan pasukan amnya dan ATM khususnya ketika melakukan eksesais ataupun operasi sebenar. Beliau juga turut menitik beratkan soal keselamatan semasa mengendalikan payung terjun dan melahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh semua penuntut kursus sepanjang 6 minggu latihan yang dilaksanakan.

Bagi Kursus Pelepas Terjun Bebas Tempur TUDM Siri 13/18 terdiri daripada Satu Pegawai daripada 10 Bgd Para, Satu Pegawai daripada KD Panglima Hitam dan Enam anggota LLP daripada Rejimen TUDM. Manakala Kursus Terjun Bebas Tempur TUDM Siri 37/18 terdiri daripada Satu Pegawai Rejimen TUDM dan 14 anggota LLP Rejimen TUDM yang melibatkan 12 penerjunan bersama senjata dan alatan. Kesemua anggota yang terlibat sepanjang kursus berlangsung adalah seramai 23 anggota dalam perkhidmatan ATM yang telah disematkan sayap penerjunan dan penyampaian sijil yang disempurnakan oleh Komander Pangkalan, Pangkalan Udara Gong Kedak.



